

01 AUG 2002

LID-PERKONGSIAN PINTAR/I

DIALOG PERKONGSIAN PINTAR BUKAN SEKADAR "CAKAP-CAKAP"

Oleh: Mohd Faizal Zakariah

LANGKAWI, 1 Ogos (Bernama) -- Walaupun terdapat pandangan sinis yang menyatakan bahawa Dialog Perkongsian Pintar hanya forum "cakap-cakap", namun ia disangkal oleh mereka yang menyokong perkongsian sedemikian.

Mereka yang bersetuju dengan perkongsian pintar berkata banyak kemajuan telah dicapai sejak konsep yang diilhamkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan semangat "memakmurkan jiran anda" pada 1995.

Tetapi para penyokong pergerakan perkongsian pintar itu juga percaya bahawa ia akan mengambil masa untuk menunjukkan hasilnya.

Perkongsian pintar ialah mengenai proses transformasi, bukan satu revolusi, kata Datuk Dr Ahmed Tasir Lope Pihie, presiden dan ketua eksekutif Kumpulan Industri-Kerajaan Malaysia bagi Teknologi Tinggi (MiGHT).

MiGHT merupakan penganjur bersama Dialog Antarabangsa Perkongsian Pintar Global 2002 yang bermula hari ini sehingga Sabtu. Penganjur lain ialah Perkongsian Komanwel bagi Pengurusan Teknologi (CPTM).

Global 2002 menggabungkan Dialog Antarabangsa Langkawi (LID), Dialog Antarabangsa Selatan Afrika (SAID) dan Dialog Antarabangsa Timur Afrika (EAID).

Dr Ahmed menekankan bahawa LID, yang diadakan dua tahun sekali di pulau peranginan ini, bukan hanya "cakap-cakap" kerana dibuktikan oleh transformasi dan kemajuan yang dibawanya.

"Tetapi ia mengambil masa untuk melihat hasilnya kerana ia tidak boleh dicapai dengan segera," katanya.

Dr Ahmed berkata transformasi sebagai hasil perkongsian pintar perlu dilaksanakan dengan cara yang teratur supaya apa yang telah diusahakan akan bertahan dan tidak terlalu mengganggu struktur sosial, pentadbiran dan politik.

Beliau berkata MiGHT sendiri merupakan perkongsian pintar antara kerajaan dan sektor swasta yang bekerja dalam sinergi, terutamanya untuk peluang-peluang perniagaan dan pelaburan.

Produk jangka pendek perkongsian pintar bukan satu ukuran kejayaan bagi dialog perkongsian pintar, katanya.

Dr Ahmed berkata MiGHT lebih berminat dalam wawasan jangka panjang, perkongsian jangka panjang dan kesan pusingan yang didapati daripada pembangunan perniagaan jangka panjang daripada jangka pendek.

Kejayaan atau kegagalan perkongsian pintar tidak sepatutnya dianggap sebagai inisiatif yang boleh menjejaskan pembangunan di luar kawalan seseorang, seperti perubahan dalam polisi yang membawa perubahan kepimpinan.

Memandangkan terdapat bukti bahawa perkongsian pintar telah berjalan lancar, Dr Ahmed berkata lebih banyak negara Afrika begitu berminat untuk mempelajari daripada pendekatan dan pelaksanaan yang diambil oleh Malaysia.

Contoh-contoh lain usaha-usaha perkongsian pintar itu ialah menggalakkan program pengurusan kualiti Caribbean ISO 9002, pembangunan berterusan inisiatif perniagaan Caribbean melalui perkongsian pintar, inovatif perkongsian sektor swasta-kerajaan dalam mewujudkan dan mengendalikan Akwa Ibom State University of Technology di Nigeria, membina kapasiti bagi industri perikanan tuna serta membangunkan perkampungan di Afrika Selatan. -- BERNAMA

MFZ SHY SD NHD